

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI
(PANDAN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 27.05.2015

Y.B. TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI [PANDAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci semua pinjaman, pelaburan dan pegangan bon oleh KWAP kepada Kerajaan Persekutuan, badan/anak syarikat milik Kerajaan dan syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) setakat 31 Mac 2015. Berikan pecahan mengikut syarikat/badan dan bentuk pinjaman/pelaburan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah pegangan pelaburan Kumpulan Wang Persaraan (KWAP) setakat 31 Mac 2015 dalam bentuk pinjaman jaminan Kerajaan adalah sebanyak RM4.5 bilion dan pinjaman badan / anak syarikat milik Kerajaan dan syarikat berkaitan Kerajaan adalah sebanyak RM6.5 bilion.

Jumlah pegangan pelaburan KWAP dalam bentuk Bon Terbitan Kerajaan Persekutuan pula adalah sebanyak RM24.40 bilion dan pegangan sukuk Wakala Global sebanyak USD90 juta setakat 31 Mac 2015. Jumlah pelaburan dalam Terbitan Bon Jaminan Kerajaan adalah RM1.9 bilion. Manakala Bon Terbitan Syarikat Berkaitan Kerajaan yang dipegang oleh KWAP adalah sebanyak RM10.18 bilion dan dalam bentuk USD250 juta.